

Malaysia terus bekerjasama majukan ekonomi Timor Leste

UM 20/10/03

DILI 23 Okt. – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia bersama-sama Timor Leste ketika negara ini berada dalam proses menubuhkan negara dan akan terus bekerjasama serta berganding bahu dalam pembangunan ekonominya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia komited untuk membantu Timor Leste yang mencapai kemerdekaan Mei tahun lalu dalam proses pembinaan semula negaranya.

“Malaysia percaya kepada kemampuan sesebuah negara untuk bergantung kepada diri sendiri tetapi kita juga memahami proses ini akan dapat dipermudahkan dengan sokongan dan galakan daripada negara-negara yang mempunyai pengalaman yang sama dan mempunyai kemahuan untuk melakukannya,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menekankan bahawa negara bersedia untuk berkongsi pengalamannya dengan Timor Leste dalam bidang-

bidang di mana Malaysia mempunyai kepakaran.

Dr. Mahathir menyatakan demikian semasa berucap pada majlis dialog dan makan tengah hari usahawan Malaysia dan Timor Leste di sini hari ini. Seramai 38 ahli perniagaan Malaysia dan lebih 100 peniaga Timor Leste hadir pada majlis berkenaan.

Kata beliau, setakat ini terdapat 124 pegawai dari Timor Leste telah menyertai latihan dalam bidang pentadbiran, pelaburan dan diplomasi di Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Tambah Perdana Menteri, Malaysia juga telah melatih 29 orang pemuda Timor Leste dalam pelbagai bidang termasuk teknologi pembinaan, teknologi fabrik, percetakan, automotif, pembuatan perabot dan perkhidmatan elektrik.

Bagaimanapun kata beliau, sementara kerajaan menjalankan peranannya,

pihak swasta Malaysia juga digalakkan untuk melabur di negara berpenduduk 800,000 orang ini di mana dalam tahun 2002 Malaysia tercatat sebagai pelabur kedua terbesar.

“Sehingga hari ini lebih 60 syarikat Malaysia telah melabur dalam bidang seperti perhotelan dan restoran, perkhidmatan bantuan guaman, pengangkutan dan mekanikal, perkhidmatan perkapalan, tenaga, perdagangan dan aktiviti perdagangan am,” katanya.

Beliau menekankan ahli-ahli perniagaan kedua-dua buah negara harus berusaha untuk meraih sepenuhnya peluang yang ada, mewujudkan hubungan dan rangkaian untuk kebaikan bersama.

Katanya, potensi bagi mengembangkan perdagangan antara kedua-dua buah negara amat menggalakkan memandangkan Malaysia dan Timor Leste mempunyai hubungan ekonomi yang erat.

Pada tahun 2002, jelas Dr. Mahathir, jumlah per-

dagangan Malaysia-Timor Leste mencapai AS\$0.39 juta dengan eksport barangan seperti elektronik, peralatan telekomunikasi dan minuman bernilai AS\$0.31 juta manakala import berjumlah AS\$80,000.

Beliau percaya ahli-ahli perniagaan di kedua-dua buah negara juga mempunyai peluang yang lebih cerah bagi meningkatkan aliran perdagangan memandangkan Timor Leste kini giat membangunkan ekonominya.

Perdana Menteri turut menyatakan kesediaan Malaysia berkongsi pengalaman dalam mempromosikan pelaburan langsung asing (FDI) dengan Timor Leste yang berminat menarik pelaburan asing dalam bidang perikanan, minyak dan gas, pembinaan semula infrastruktur, kejuruteraan awam serta aktiviti pembuatan ringan. – *Utusan*